

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 11/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 48
Tajuk : ANGKASA gerak ekonomi negara Islam

Angkasa gerak ekonomi negara Islam

KUALA LUMPUR 10 Dis.

- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dipilih oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menggerakkan pembangunan ekonomi negara-negara Islam melalui institusi koperasi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) iaitu institusi yang mempunyai akses terbaik untuk memasuki negara-negara Islam bagi menjayakan inisiatif tersebut.

“Daripada 57 negara OIC, terdapat 37 negara yang tidak aktif institusi koperasinya dan kita percaya dengan kerjasama IDB, inisiatif ini akan berjaya,” katanya, hari ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA